



KENYATAAN TAWARAN INPEN (SELANGOR) SDN BHD

PELAWAAN PERMOHONAN SEBAGAI PANEL PEMBEKAL BAHAN DAN PERALATAN PENYELENGGARAAN UNTUK UNIT PENYELENGGARAAN

1.0 KENYATAAN PELAWAAN

INPEN (Selangor) Sdn. Bhd. (INPENS) mempelawa syarikat yang berkeelayakan dan berpengalaman untuk memohon sebagai **Panel Pembekal** bagi membekalkan **Bahan dan Peralatan Penyelenggaraan** untuk **Unit Penyelenggaraan**. Pelantikan panel pembekal ini bertujuan memastikan kelangsungan kerja-kerja penyelenggaraan dijalankan dengan lebih efisien dan sistematik.

2.0 SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

- 2.1 Pemohon yang berdaftar dan masih sah pendaftarannya dengan INPENS.
- 2.2 Pemohon mestilah syarikat yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan masih sah tempohnya.
- 2.3 Mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya tiga (3) tahun dalam pembekalan barangan *hardware*.
- 2.4 Mempunyai rekod kewangan yang kukuh dan boleh membuktikan keupayaan untuk membekalkan barangan dalam tempoh yang ditetapkan.
- 2.5 Bersedia untuk membekalkan barangan berkualiti mengikut spesifikasi yang ditetapkan oleh INPENS.

3.0 SKOP PEMBEKALAN DAN PERKHIDMATAN

Pembekal yang dilantik bertanggungjawab untuk membekalkan:

3.1 Peralatan Elektrik dan Pencahayaan

- Mentol LED pelbagai watt
- Suis, soket, dan plug elektrik
- Kipas dinding, kipas siling, dan kipas ekzos
- Wayar elektrik pelbagai saiz
- Pemutus litar (MCB) dan fius

3.2 Peralatan Paip dan Kebocoran

- Paip PVC, tembaga, dan aksesori penyambung
- Pili air, kepala paip, dan hos getah
- Gam paip, silikon sealant, dan pita kalis air
- Tangki simbah tandas dan flush valve
- Syphon, rubber gasket, dan klip penyambung

3.3 Peralatan Kayu dan Besi

- Skru, paku, dan bolt pelbagai saiz
- Engsel pintu, gril besi, dan rel langsir
- Gam kayu, sealant, dan varnish
- Papan lapis, kayu solid, dan MDF board
- Cat kayu, cat minyak, dan thinner

3.4 Peralatan Dinding dan Lantai

- Simen, pasir, dan gam jubin
- Cat dinding dalaman dan luaran
- Plaster siling dan bahan tampalan
- Jubin lantai dan dinding
- Pita pelekat industri dan waterproofing membrane

3.5 Peralatan Kunci dan Keselamatan

- Mangga kunci dan rantai besi
- Silinder kunci dan pemegang pintu
- Gril keselamatan dan engsel pintu

3.6 Perkhidmatan Tambahan *(Nyatakan sekiranya ada)*

- Menyediakan perkhidmatan penghantaran ke lokasi yang ditetapkan oleh INPENS dalam tempoh yang dipersetujui.
- Memastikan semua barangan yang dibekalkan dalam keadaan baik dan memenuhi spesifikasi yang ditetapkan.
- Menawarkan perkhidmatan selepas jualan sekiranya terdapat sebarang kecacatan atau masalah berkaitan bekalan.

4.0 TEMPOH PELANTIKAN

Tempoh pelantikan panel pembekal adalah selama satu (1) tahun dan boleh diperbaharui berdasarkan prestasi pembekal serta keperluan INPENS.

5.0 CARA MEMOHON

5.1 Syarikat yang berminat hendaklah mengemukakan dokumen permohonan yang lengkap termasuk:

- Profil syarikat
- Salinan sijil pendaftaran SSM
- Senarai pengalaman dan rujukan pelanggan
- Senarai harga dan katalog barangan yang ditawarkan
- Penyata kewangan terkini

- 5.2 Dokumen permohonan hendaklah dikemukakan dalam sampul surat bertutup dan dihantar ke alamat berikut sebelum tarikh tutup:

PEJABAT JABATAN PENGURUSAN ASET

INPEN (SELANGOR) SDN BHD

Selangor Technical Skills Development Centre (STDC)

Kampus Kuala Selangor

Jalan Semarak,

45000 Kuala Selangor

Selangor Darul Ehsan

Tarikh tutup permohonan: **28 November 2025**

Sebarang pertanyaan boleh diajukan kepada:

Unit Perolehan

Jabatan Pengurusan Aset

Telefon: +603 3281 2619/20/21 (Sambungan 220)

Emel: nafisah@stdc.edu.my

Laman Sesawang: [http:// stdc.edu.my](http://stdc.edu.my)

6.0 PERINGATAN

Permohonan yang lewat dihantar selepas tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan. INPEN (Selangor) Sdn. Bhd. tidak terikat untuk menerima tawaran terendah atau mana-mana tawaran.